

Wahai umat Islam! Bertahun-tahun kita telah berarak menyambut keputeraan Muhammad (S.A.W) sehinggakan seakan-akan telah menjadi tradisi perbuatan kita ini tetapi apakah kita melupakan, lupa kepada tanggungjawab kita masing-masing kepada mengerah pasukan jihad, mengerah pemuda-pemuda jihad, mengerah angkatan sabilillah untuk bekerja dengan harta dan nyawanya, sebagaimana diseru Tuhan, untuk menegakkan kalimah Tuhan?

Wahai ulama-ulama! Apakah bagi tuan-tuan yang diutamakan pertentangan faham dan pengertian di dalam hukum-hukum yang lebih diutamakan daripada mengerah pasukan jihad untuk menegakkan kalimah Tuhan? Apakah tuan-tuan masih memperhebat pertentangan di dalam faham yang tidak dapat disatukan lalu tuan-tuan meninggalkan umat, meninggalkan tenaga pemuda yang siap sedia untuk dikerah jika ada pemimpin-pemimpinnya yang tahukan kewajibannya untuk menegakkan kalimah Tuhan?

Hormat-menghormatilah kepada faham masing-masing – jangan yang demikian dijadikan pertentangan yang menjauuhkan ukhwah Islamiyyah – satukanlah pasukan Allah, dirikanlah pasukan jihad, dan tegakkanlah semangat sabilillah (semangat kepada jalan Allah) sedang tuan-tuan, ulama-ulama lebih bertanggungjawab mengerah dan menyusun umat Islam di seluruh nusantara untuk menegakkan kalimah Tuhan! Tuan-tuan lebih mengerti dan lebih bertanggungjawab.

Ingat. Sekiranya tuan-tuan melupakan kewajiban tuan-tuan terhadap kepada kewajiban tuan-tuan supaya hukum Allah berjalan di mana tuan berada maka tuan-tuan kelak akan ditanya tanggungjawab tuan sebagai ulama terhadap kepada langkah ini. Kewajiban tuan-tuan tidak hanya menelaah kitab-kitab dan menentukan hukum tetapi kewajiban tuan-tuan beramal, beramal seperti yang diamalkan Muhammad (S.A.W)

memimpin umat yang berjihad jalan Allah dengan harta dan nyawa sehingga mereka jaya sekalipun mereka sedikit.

Lihatlah! Nun di sana masih disebut-sebut syuhada Islam yang menyambut seruan Muhammad (S.A.W) yang telah mengorbankan harta dan nyawa kepada jalan Allah, bukan mencari kedudukan untuk muslihat diri tetapi yang dituntut mereka keredaan Tuhan! Wahai ulama-ulama yang muda atau yang tua – bersatulah tuan-tuan menghadapi angkatan muda yang telah banyak lari daripada jalan Tuhan! Yang memandang erti beragama bagi mereka tidak lain dan tidak bukan hanya bersembahyang semata – selain itu tidak diwajibkan kepada mereka.

Marilah! Marilah kita menyatukan tangan berbimbing tangan untuk menegakkan kalimah Tuhan! Jaya atau tidak bukanlah itu yang dituju, tetapi yang dituju adalah menunaikan kewajiban menjalankan seruan Muhammad (S.A.W) kerana jaya atau tidak bukan tujuan yang dituntut dan ditentukan tetapi yang ditentukan ialah jihad kita kepada jalan Allah dengan harta, tenaga dan kalau perlu dan tiba saatnya diperjuangkan dengan darah kita seperti yang dilakukan oleh syuhada-syuhada Islam! Mudah-mudahan dengan sempena *mawlid nabawi sharif* hari ini Tuhan memberi taufik dan hidayah-Nya kepada kita semoga kita menjadikan orang yang hidup dan matinya semata-mata mencari keredaan-Nya.

* * *

Kemana PAS hendak dibawa?

Di dalam ucapan-ucapan dan tulisan yang selalu dibuat oleh Yang Dipertua Persatuan Islam Se-Malaya

(PAS), Dr Burhanuddin sentiasa disebut bahawa perjuangan PAS adalah kerana nusa, bangsa dan agama.

Bagi seorang yang mengikuti perjuangan Dr Burhanuddin dan mengetahui langkah perjuangan cukup mengetahui bahawa ia adalah seorang pejuang kebangsaan yang kemudiannya, setelah Parti Kebangsaan Melayu diharamkan, maka ia tidak bergerak di dalam mana-mana parti tetapi akhirnya ia memasuki PAS untuk berjuang di dalam medan agama yang sudah tentu berbeza dengan perjuangan di medan kebangsaan.

Bagi perjuangan kebangsaan di atas orang-orang Islam yang memandang beragama hanya ibadat sahaja, betullah perjuangan mereka mendahulukan nusa kemudian bangsa dan akhirnya agama, tetapi bagi orang yang berjuang kerana agama maka tidaklah yang didahulukannya dan diutamakan selain daripada agamanya terlebih dahulu daripada lain-lainnya. Agama mengatasi apa jua yang dibuatnya dan kerana agama adalah ia meredakan hartanya dan dirinya kepada jalan Allah.

Kesenangannya apabila agama berjalan, kemarahannya apabila agama dicela dan dicerca.

Sudah tentu perjuangan yang dijalankan seperti perjuangan kebangsaan yang dianjurkan oleh Dr Burhanuddin dahulu akan terbawa-bawa di dalam perjuangan PAS sekiranya umat Islam tidak mengingatkan Dr Burhanuddin bahawa ia sekarang bukan di dalam badan kebangsaan lagi tetapi di dalam badan perjuangan agama yang bertujuan menyampaikan cita-cita supaya mendapat negara bahagia yang dijanjikan Tuhan yang diperjuangkan mereka.

Kalau perjuangan cara kebangsaan tidak menitikberatkan bentuk peribadi pengikut-pengikutnya kepada menyelenggarakan berakhlak dan beragama maka bentuk perjuangan agama adalah mengutamakan keagamaan terlebih dahulu

daripada lain-lainnya – cara perjuangannya berbeza dengan perjuangan kebangsaan. Bagi orang-orang yang berjuang di atas nama agama maka agama mengatasi daripada segala-galanya – ia hendaklah lebih dahulu membentuk peribadi pengikut-pengikutnya dengan peribadi Islam yang menyeru umat kepada-Nya dengan menggunakan hikmah dan bijaksana dengan cara yang baik sekalipun pada akhir perjuangannya kalau perlu dimandikan dengan darahnya sebagai jihadnya, untuk menegakkan kalimah Allah – tidak cita-cita agama diketepikan dan dibelakangkan.

Sebab itu kita dengan tulus memperingatkan pemimpin-pemimpin PAS supaya berhati-hati menjalankan langkahnya sebagai pertubuhan agama. Mereka hendaklah halus tutur katanya bukan pakai maki hamun – berhujahlah dengan hujah yang baik. Tunjukkanlah umat dengan cara yang baik dengan alasan-alasan yang baik – tunjukkan peribadi Islam sebagai peribadi yang baik. Bentuk pengikut-pengikut supaya mempunyai peribadi yang baik, yang mempunyai jiwa tauhid – tauhid yang tidak akan dapat mengganjak peribadinya walau bagaimanapun mereka menghadapi kesusahan dan kepayahan.

Berjuanglah lebih dahulu kerana agama kemudian baharu yang lain-lainnya. Kita berharap Dr Burhanddin akan menyedari bahawa perjuangan sekarang adalah perjuangan agama lebih dahulu daripada yang lain-lainnya, dan kita yakin ia mengetahui ini! Kerana itu kita harap janganlah hendaknya lagi semboyan perjuangannya “nusa, bangsa dan agama” tetapi hendaklah perjuangan itu diasaskan agama, nusa dan bangsa – kerana bangsa tidak boleh ditegakkan di dalam memperjuangkan agama kerana agama adalah di atas segala-galanya bagi seorang Islam yang yakin kepada perjuangan agamanya.